

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89
Jun 1989

RME 458 - Pengurusan Harta

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Pasaran harta terbahagi kepada beberapa bahagian tertentu.

Senaraikan ciri-ciri yang mempengaruhi pembahagian ini dan juga bahagian-bahagian pasaran yang ada.

(20 markah)

2. "Perjanjian pajakan ialah suatu kontrak".

Bincangkan pernyataan ini.

(20 markah)

3. Di dalam pembentukan perjanjian pajakan beberapa bahagian utama mestilah diperuntukkan.

Senaraikan kesemua bahagian ini serta berikan juga kandungan bahagian-bahagian tersebut.

(20 markah)

...2/-

4. Urusniaga yang boleh dilaksanakan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dinyatakan dalam Bahagian-Bahagian Empat belas hingga Tujuh belas.

Bincangkan urusniaga yang utama yang terdapat di dalam bahagian-bahagian tersebut dan sertakan contoh untuk memudahkan penjelasan anda.

(20 markah)

5. Didalam proses penentuan piawaiian senggaraan terdapat beberapa kriteria yang mempengaruhi keputusan.

Huraikan kriteria-kriteria ini serta implikasinya terhadap beban kerja keseluruhannya.

(20 markah)

6. Seorang arkitek mempunyai peranan untuk mengurangkan kos senggaraan sesebuah bangunan yang direkabentuknya.

Bagaimanakah peranan ini dapat disumbangkan dengan berkesan?

(20 markah)

7. Nyatakan tindakan anda, apabila ditugaskan mengurus sebuah bangunan pejabat, berandaikan yang bangunan itu telah digunakan selama 5 tahun dengan hanya senggaraan perkhidmatan dijalankan selama ini dan tidak mempunyai rekod senggaraan yang lengkap.

(20 markah)